



GARIS PANDUAN PENDAFTARAN BARANGAN SERAMIK (*CERAMIC TABLEWARE*)



MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

**CERAMIC
TABLEWARE**

REGISTRATION

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2018



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGENALAN	3
SKOP	3
DEFINISI	3
PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	5
KRITERIA PERMOHONAN	6
PROSEDUR PERMOHONAN	6
PROSEDUR PENDAFTARAN	7
TEMPOH SAH LAKU	8
PEMANTAUAN	8
PEMBAHARUAN	8
PEMBATALAN SIJIL	8
PERTANYAAN	9
LAMPIRAN	10
RUJUKAN	17
PENGHARGAAN	18

1.0 PENGENALAN

Garis panduan ini memberikan panduan mengenai prosedur permohonan pendaftaran barangan seramik (*ceramic tableware*) untuk tujuan jualan.

Pendaftaran ini adalah bersifat sukarela dan bertujuan memberikan perakuan ke atas barangan seramik yang memenuhi syarat –syarat pendaftaran dan juga mematuhi keperluan perundangan.

2.0 SKOP

- 2.1 Garis panduan ini terpakai kepada semua barangan seramik yang bertujuan digunakan dalam penyediaan, pembungkusan, penstoran, penyerahhantaran atau pendedahan makanan, untuk makanan manusia.
- 2.2 Pendaftaran ini memberi perakuan barangan seramik yang dihasilkan mempunyai kadar pembebasan Plumbum (Pb) dan Kadmium (Cd) pada paras tidak melebihi kadar maksimum yang dibenarkan merujuk Daftar 1, Jadual Ketiga Belas (Peraturan 28), Peraturan –Peraturan Makanan 1985.
- 2.3 Perakuan pendaftaran ini hanya terpakai untuk barangan seramik yang didaftarkan sahaja.
- 2.4 Permohonan pendaftaran ini terbuka kepada pengilang, pengimport, pengiklan atau mana – mana individu yang melakukan aktiviti penjualan barangan seramik.

3.0 DEFINISI

Bagi tujuan skim ini, definisi berikut adalah terpakai:

3.1 Barangan Seramik

Barangan seramik bermaksud apa-apa perkakasan atau bungkusan barang seramik yang digunakan sebagai barangan makanan, yang dibuat daripada tembikar tulang, porselin, tembikar kaca, tembikar tanah liat termasuk tembikar batu besi dan tembikar batu yang digunakan atau bertujuan untuk digunakan dalam penyediaan, pembungkusan, penstoran, penyerahhantaran atau pendedahan makanan, untuk makanan manusia.

- a) “**porselin**” atau biasanya dikenali sebagai “tembikar tulang yang setara” ertinya apa-apa tembikar putih seramik selain tembikar batu yang mempunyai jasad putih berbakar dengan penyerapan air tidak lebih daripada 0.4 peratus dan lut cahaya dengan ketebalan beberapa milimeter;

- b) **“tembikar tulang (*bone china*)”** artinya apa-apa barangan tembikar atau porselin yang jasadnya mengandungi 25 peratus atau lebih abu tulang semula jadi terkalsin atau trikalsium fosfat dan mempunyai penyerapan air tidak lebih daripada 0.4 peratus;
- c) **“tembikar kaca (*vitrified / vitreous china*)”** atau biasanya dikenali sebagai “tembikar vitreus” atau “tembikar halus” artinya apa-apa jasad tembikar putih seramik kaca yang putih, legap atau lut cahaya dan mempunyai penyerapan air tidak lebih daripada 0.4 peratus;
- d) **“tembikar tanah liat (*earthenware*)”** artinya apa-apa tembikar putih seramik tak vitreus, berliang dan legap yang berglis atau tidak berglis atau berhias yang mengandungi tanah liat sebagai bahan utama dan boleh didapati dalam pelbagai warna, dan mempunyai penyerapan air tidak kurang daripada 3.0 peratus dan tidak lebih daripada 7.0 peratus mengikut berat;
- e) **“tembikar batu (*stoneware*)”** bermaksud apa-apa tembikar putih seramik vitreus atau separa vitreus yang berglis atau tidak berglis atau berhias yang mengandungi tanah liat sebagai bahan utama dan boleh didapati dalam pelbagai warna, dan mempunyai penyerapan air tidak lebih daripada 3.0 peratus dan secara semula jadinya legap kecuali pada kepingan yang sangat nipis;
- f) **“pinggan mangkuk (*flatware*)”** bermaksud apa-apa barangan seramik yang mempunyai kedalaman di bahagian dalam tidak melebihi 25 milimeter yang diukur dari titik paling bawah hingga satah mengufuk melalui titik limpahan; dan
- g) **“barang cembung (*hollow-ware*)”** bermaksud apa-apa barangan seramik yang mempunyai kedalaman di bahagian dalam lebih daripada 25 milimeter yang diukur dari titik paling bawah hingga satah mengufuk melalui titik limpahan. Barang cembung boleh dikenal pasti sebagai besar atau kecil mengikut isiannya seperti yang berikut:
 - i. Barang cembung besar : barang cembung dengan isian 1.1 liter atau lebih.
 - ii. Barang cembung kecil : barang cembung dengan isian kurang daripada 1.1 liter.

Barangan seramik dikelaskan berdasarkan kategori yang berikut :

- a) Kategori A: porselin, tembikar tulang, tembikar halus, tembikar kaca atau pengelasan barangan seramik yang lain dengan penyerapan air tidak lebih daripada 0.4 peratus.
- b) Kategori B: tembikar tanah liat dan tembikar batu.

3.2 Pb: Plumbum

3.3 Cd: Kadmium

4.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Garis panduan ini terpakai bagi memenuhi keperluan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan (PPM) 1985 seperti berikut:

Per. 28(4) Tiada seorang pun boleh mengimport, mengilang, mengiklankan untuk jualan atau menjual apa-apa barangan seramik yang bertujuan untuk digunakan dalam penyediaan, pembungkusan, penstroran, penyerahhantaran atau pendedahan makanan melainkan jika barangan seramik itu diuji mengikut **Malaysian Standard MS 1817-1, Ceramic ware, glass ceramic ware- Part 1: Test method**, dan jumlah plumbum dan kadmium yang dibebaskan tidak melebihi kadar maksimum yang dibenarkan – **Daftar I, Jadual Ketiga Belas**.

5.0 KRITERIA PERMOHONAN

Pengusaha yang memohon sijil barangan seramik (*ceramic tableware*) hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- 5.1 Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 5.2 Premis mempunyai lesen atau kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan atau surat pengesahan dari mana-mana agensi kerajaan.

6.0 PROSEDUR PERMOHONAN

6.1 Permohonan

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan (Borang KKM/BS 1) seperti di **Lampiran 1** yang boleh diperolehi daripada:

- i. Ibu Pejabat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), KKM.
- ii. Laman web <http://fsq.moh.gov.my>

Semua borang permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Ibu Pejabat BKMM, KKM. Sila rujuk senarai semak dokumen yang perlu dikemukakan seperti di **Lampiran 2**.

6.2 Bayaran

- 6.3.1. Bayaran pendaftaran dan sijil pendaftaran adalah seperti di **Lampiran 3**.
- 6.3.2. Bayaran pendaftaran dan pensijilan perlu dikemukakan kepada Ibu Pejabat BKKM, KKM.
- 6.3.3. Bayaran hendaklah dibayar atas nama “**Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia**” melalui bank draf dan **bayaran tidak akan dikembalikan**.
- 6.3.4. Bank draf tersebut perlulah dihantar ke Ibu Pejabat BKKM, KKM sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh sahlaku.

6.3 Permohonan tidak lengkap

Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan semula kepada pemohon untuk dilengkapi. Jika pemohon gagal mengemukakan apa-apa maklumbalas dalam tempoh satu (1) bulan, permohonan akan terbatal dengan sendirinya, dan pemohon perlu mengemukakan permohonan baru.

7.0 PROSEDUR PENDAFTARAN BARANGAN SERAMIK

7.1 Semakan borang permohonan

- 7.1.1 Borang permohonan yang diterima akan disemak dengan menggunakan senarai semak seperti di **Lampiran 2**.
- 7.1.2 Maksimum motif dalam satu permohonan adalah sebanyak lima (5) motif sahaja.

7.2 Persampelan di premis

- 7.2.1 Persampelan di premis akan dijalankan oleh pegawai KKM apabila permohonan lengkap diterima.
- 7.2.2 Jumlah sampel barangan seramik akan ditentukan oleh KKM berdasarkan permohonan dan parameter **Pb dan Cd** seperti Daftar 1, Jadual Ketiga Belas, Peraturan – Peraturan Makanan 1985.
- 7.2.3 Pemilihan sampel adalah mengikut kategori *glazing* produk barangan seramik iaitu *on-glazed* atau *under-glazed*. Bagi *on-glazed*, sampel dipilih berdasarkan warna dan jenis seramik paling banyak dihasilkan dalam setiap motif yang dipohon. Manakala bagi *under-glazed*,

sampel dipilih daripada satu motif sahaja yang mana pengeluarannya paling tinggi.

7.2.4 Sampel yang diambil perlu dihantar sendiri oleh pemohon ke makmal yang diiktiraf KKM. (Sila rujuk senarai makmal swasta di laman sesawang Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di <http://fsq.moh.gov.my/>).

7.2.5 Kos analisis adalah ditanggung oleh pemohon.

7.3 Panel Pelulus Pendaftaran Barangan Seramik

7.3.1 Panel Pelulus adalah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang anggota ibu pejabat BKKM yang dilantik.

7.3.2. Kelulusan pendaftaran barangan seramik adalah berdasarkan keputusan panel pelulus dan pematuhan analisis pembebasan Pb dan Cd bagi produk yang dipohon.

7.4 Carta alir proses pendaftaran

Seperti di **Lampiran 5**.

7.5 Tempoh Pengeluaran Sijil

Sijil akan dikeluarkan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja setelah permohonan lengkap diterima.

7.6 Pertukaran Maklumat Pada Sijil

Pemohon perlu memaklumkan kepada Ibu Pejabat BKKM, KKM sekiranya terdapat pertukaran nama dan alamat syarikat atau apa-apa maklumat yang dicetak pada sijil.

7.8 Logo Pendaftaran

Logo Perakuan Pendaftaran Barangan Seramik (*Ceramic Tableware*) adalah seperti berikut:



BLUE: #333366
GREY: #CCCCCC
RED : #CE4F36

8.0 TEMPOH SAH LAKU SIJIL

Tempoh sah laku sijil adalah tiga (3) tahun daripada tarikh sijil dikeluarkan.

9.0 PEMANTAUAN

Pemantauan secara berkala akan dijalankan sekurang-kurangnya satu (1) tahun sekali oleh pihak JKN/ PKD.

10.0 PEMBAHARUAN SIJIL PENDAFTARAN

Permohonan pembaharuan sijil perlu dikemukakan selewat-lewatnya dalam tempoh dua (2) bulan sebelum tarikh tamat sijil.

11.0 PEMBATALAN SIJIL PENDAFTARAN

11.1 Sijil Pendaftaran Barangan Seramik boleh dibatalkan atas sebab-sebab seperti berikut:

11.1.1 Sekiranya didapati produk yang dihasilkan oleh pemohon terbukti melanggar Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

11.1.2 Menyalahgunakan sijil pendaftaran ke atas produk yang tidak berada dalam skop pensijilan yang dimohon.

11.1.3 Melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan oleh KKM dari semasa ke semasa.

11.2 Tindakan pembatalan sijil pendaftaran yang diputuskan oleh panel pelulus yang dilantik bagi Pendaftaran Barangan Seramik (*Ceramic Tableware*) di Ibu Pejabat BKKM, KKM adalah muktamad dan tidak boleh diambil sebarang tindakan perundangan oleh pemohon.

11.3 Permohonan semula perlu dibuat untuk sijil yang telah dibatalkan.

12.0 PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut pihak pemohon boleh menghubungi:

BIL.	BAHAGIAN/ JABATAN/ PEJABAT/ ALAMAT	NO.TELEFON/ LAMAN WEB
1	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 4, Menara Prisma No.26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya	No. Tel : 03-8885 0797 No. Faks : 03-8885 0790 Laman web : http://fsq.moh.gov.my/
2	Jabatan Kesihatan Negeri	Lampiran 6



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN BARANGAN SERAMIK**

BAHAGIAN A : MAKLUMAT PERMOHONAN

KATEGORI PERMOHONAN:

A) BARU

B) PEMBAHARUAN

1. NAMA SYARIKAT:

2. ALAMAT SYARIKAT:

6. ALAMAT PREMIS:

3. NAMA PEMOHON (seperti dalam Kad Pengenalan)

7. NO. TELEFON/ NO. FAKS:

4. NO KAD PENGENALAN:

8. NO. TELEFON BIMBIT:

5. DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN:

- a. Salinan Kad Pengenalan pemohon
- b. Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat (SSM)
- c. Salinan Lesen Pihak Berkuasa Tempatan / Surat Pengesahan dari agensi kerajaan
- d. Bayaran Pendaftaran

9. NAMA INDIVIDU UNTUK DIHUBUNGI & EMEL:

Nama:

Emel:

BAHAGIAN B : MAKLUMAT PRODUK

10. PRODUK YANG DIPOHON:

Bil	Kod Motif	Kod Warna	Jenis Barangan Seramik (Flatware, Large hollow, small hollow)	Gambar

Nota : sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi

BAHAGIAN C : BAYARAN

SEMUA JENIS PEMBAYARAN HENDAKLAH DIBUAT ATAS NAMA KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

No. Deraf Bank :

Tarikh Deraf Bank:

BAHAGIAN D : PENGESAHAN PERMOHONAN

Saya _____

Jawatan _____

Dengan ini mengaku bahawa kenyataan di atas dan lampiran yang disertakan adalah benar.

TANDATANGAN PEMOHON

.....
COP RASMI SYARIKAT:

Tarikh :



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN BARANGAN SERAMIK

KATEGORI PERMOHONAN:

A) BARU

B) PEMBAHARUAN

Nama Premis :

Alamat Premis :

Nama motif :

Bil.	Perkara	PEMOHON	KEGUNAAN PEJABAT
		Ada (√) / Tiada (X)	
1	Borang Permohonan		
2	Salinan Kad Pengenalan Pemohon		
3	Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
4	Salinan Lesen / Dokumen Sokongan dari PBT / Agensi Kerajaan		
5	Dokumen sokongan lain yang diperlukan: a. Bayaran Pendaftaran b. Lampiran senarai barangan seramik yang dipohon (2 salinan) c. Gambar barangan seramik yang dipohon (2 salinan berwarna)		
6	Pengesahan Maklumat / Dokumen (<i>tandatangan dan cop</i>)		
Untuk Kegunaan Pejabat			
7	Tarikh Terima		
8	Status Permohonan	<input type="checkbox"/> Lengkap	<input type="checkbox"/> Tidak Lengkap
Akuan Penerimaan			
Nombor Rujukan Pemohon : _____		Tarikh : _____	
Adalah dimaklumkan, permohonan dan bayaran dalam bentuk draf bank bernombor _____ sebanyak RM _____ yang bertarikh _____ telah diterima daripada pemohon bagi premis _____.			
Tandatangan penerima : _____			
Nama Pegawai dan Jawatan : _____			

Lampiran 3

JADUAL FI

JENIS PERMOHONAN	FI (RM)
Permohonan Baru	500
Permohonan Pembaharuan	400
Pemantauan (setiap audit)	250

Nota:

Bilangan produk yang boleh dimasukkan dalam satu sijil boleh dikategorikan seperti di bawah:

Satu motif untuk satu sijil merangkumi semua warna yang dipohon bagi motif yang sama, tanpa mengira jenis bahan seramik.


Lampiran 4

PARAMETER ANALISIS

Jenis Barangan Seramik	Unit	Plumbum	Kadmium
Pinggan mangkuk (<i>flatware</i>)	mg/dm ²	0.8	0.07
Barang cembung kecil (<i>Small hollow ware</i>)	mg/l	2.0	0.5
Barang cembung besar (<i>Large hollow ware</i>)	mg/l	1.0	0.25

Sumber: Daftar I, Jadual Ketiga Belas (Peraturan 28): Kadar maksimum yang dibenarkan bagi pembebasan Pb dan Cd

CARTA ALIR PERMOHONAN BARU DAN PEMBAHARUAN SIJIL



10 hari bekerja

**SENARAI BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN,
JABATAN KESIHATAN NEGERI**

- | | |
|--|--|
| <p>1. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Tingkat 8, Bangunan Wisma Persekutuan
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
Perlis Indera Kayangan
Tel: 04-976 6989
Faks: 04-976 7419
http://jknperlis.moh.gov.my</p> | <p>2. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Jalan Simpang Kuala
05400 Alor Setar
Kedah Darul Aman
Tel: 04-774 1000
Faks: 04-774 1022
http://jknkedah.moh.gov.my</p> |
| <p>3. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 38, KOMTAR
10590 Pulau Pinang
Tel: 04-262 5533/04-201 7279
Faks: 04-226 3371
http://jknpenang.moh.gov.my</p> | <p>4. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30590 Ipoh
Perak Darul Ridzuan.
Tel: 05-245 6000
Faks: 05-255 0740
http://jknperak.moh.gov.my</p> |
| <p>5. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 27, Wisma MBSA
Persiaran Perbandaran
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel: <u>03-5518 2121</u>
Faks: 03-5518 5194/5518 5195
http://www.jknselangor.moh.gov.my</p> | <p>6. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan.
Tel: 03-2268 7333/2268 7361
Faks: 03-2491 0263
http://jknkl.moh.gov.my</p> |
| <p>7. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-7664800 / 06-7625231
Faks: 06-7638543
http://jknns.moh.gov.my</p> | <p>8. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel: 06-2345959
Faks: 06-2345969
http://jknmelaka.moh.gov.my</p> |
| <p>9. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Hospital Permai Lama
Jalan Persiaran Permai
81200 Johor Bharu
Johor Darul Takzim
Tel: 07-238 2239/ 237 2110
Faks: 07-236 7278
http://jknjohor.moh.gov.my</p> | <p>10. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel: 09-570 7754/ 09-570 7999
Faks: 09-570 7794
http://jknpahang.moh.gov.my</p> |



11. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Kuala Terengganu Business Centre (KTBC)
Jalan Sultan Mohamad
21100 Hiliran Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
Tel: 09-622 6028
Faks: 09-622 1385
<http://jknterengganu.moh.gov.my>
12. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Aras 7, Bangunan KWSP, Jalan Padang Garong
15000 Kota Baharu
Kelantan Darul Naim
Tel: 09-741 6736/ 741 3353
Faks: 09-747 1890
<http://jknkelantan.moh.gov.my>
13. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
93050 Kuching
Sarawak
Tel: 082-237 853/ 233 036
Faks: 082-237 837
<http://jknsarawak.moh.gov.my>
14. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 5, Wisma BSN Sabah
Jalan Kemajuan Karamuning
88000 Kota Kinabalu Sabah
Tel: 088-248 201/ 203/ 205
Faks: 088-248 215
<http://jknsabah.moh.gov.my>
15. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan WP Labuan
Peti surat 80832
87018 Wilayah Persekutuan Labuan
Tel: 087-596 000
Faks: 087-408 508
<http://jknlabuan.moh.gov.my>

RUJUKAN

- i. Akta Makanan 1983 & Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- ii. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009
- iii. Malaysian Standard MS ISO 6486-1, *Ceramic ware, glass ceramic ware and glass dinnerware in contact with food – Release of lead and cadmium – Part 1 : Test method*

PENGHARGAAN

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai berikut yang bertanggungjawab dalam menjayakan garis panduan ini.

Penaung

Noraini Dato' Mohd Othman

Penasihat

Mohd Salim Hj. Dulatti

Ketua Editor

Hj. Mohd Khairuddin Mohd Talib

Editor

Faridah Malik Shari
Faiza Ismail
Subashini Pallianysamy